

Pelajar UUM boleh mohon tangguh peperiksaan hari pengundian

Oleh [Samadi Ahmad](#) - Julai 31, 2023 @ 4:13pm
bhnews@bh.com.my



Gambar fail - Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin. - Foto BERNAMa

PUTRAJAYA: Pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tiada halangan mengundi pada Pilihan Raya Negeri (PRN) di enam negeri kerana kebanyakannya sudah selesai menduduki peperiksaan akhir semester pada hari pengundian, 12 Ogos ini.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata hanya Universiti Utara Malaysia (UUM) yang mengadakan peperiksaan pada hari pengundian.

Menurutnya, kementeriannya sudah berunding dengan universiti terbabit bagi membenarkan pelajar yang mengundi menangguhkan peperiksaan selepas memaklumkannya terlebih dahulu.

Katanya, bukan semua pelajar terbabit kerana PRN hanya membabitkan enam negeri manakala selebihnya boleh meneruskan peperiksaan seperti dijadualkan.

"Pelajar yang terlibat boleh menduduki peperiksaan pada hari lain

kerana bagi pelajar dari Sabah dan Sarawak, mereka sudah membeli tiket awal untuk pulang ke kampung mengikut kalender universiti yang dikeluarkan sebelum ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), XoX Bhd dan VMR3 Sdn Bhd di sini, hari ini, bagi menjayakan Program Keusahawanan MYSiswa dan KPT dan Wawasan Jaya Elite Sdn Bhd Dalam Kebolehpasaran Graduan.

Sebelum ini, Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UUM, Muhammad Izuan Faiz Abdul Rahman dilaporkan berkata tarikh pengundian PRN di enam negeri termasuk Kedah pada 12 Ogos menganggu musim peperiksaan mereka.

Pelajar UUM menduduki peperiksaan bermula hari ini dan dijadual berakhir 20 Ogos.

Mengulas lanjut, Mohamed Khaled berkata, tiada masalah bagi pelajar yang baharu mendaftarkan diri kerana kebanyakan mereka belum berusia 18 tahun sekali gus tidak layak mengundi.

"Tiada cuti tambahan juga diberikan kepada pelajar yang pulang mengundi kerana majoriti sudah pulang ke kampung masing-masing pada tarikh tersebut," katanya.